

G20 perlu utama salur sumber tangani kelaparan, kemiskinan

Anwar tekankan keperluan sistem kewangan adil, tadbir urus lebih baik

Daripada Kamarulzaidi Kamis

kamarulzaidi (Sibh.com.my)

di Rio de Janeiro



Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menegaskan Negara-Negara Kumpulan 20 (G20) perlu menilai semula keutamaan global dengan menyalurkan sumber ke arah memerangi kelaparan dan kemiskinan, bukannya meneruskan konflik dan ketidaksaamaan.

Berucap dalam sesi pertama Sidang Kemuncak G20 bertema 'Memerangi Kelaparan dan Kemiskinan', di sini, Perdana Menteri menekankan keperluan sistem kewangan yang lebih adil, tadbir urus yang lebih baik dan pengagihan semula sumber global untuk menangani isu kemanusiaan yang mendesak.

Menurut Anwar ketidaksaamaan ekonomi merampas sumber penting dari negara di Global South, manakala kelemahan tadbir urus serta kurangnya iltizam politik terus memerangkap ko-

muniti dalam kemiskinan dan kelaparan.

"Bagi memutuskan kitaran ganas ini, punca asas yang menyumbang kepada keadaan ini perlu ditangani. Kegagalan tadbir urus dalam kalangan negara adalah salah satu faktor utama.

"Ini sering dikaitkan dengan rasuah yang menjejaskan kantung kewangan negara, sekali gus meminggirkan golongan miskin dan lemah," katanya.

Sebahagian besar perbelanjaan mereka digunakan untuk membiayai senjata dan konflik, sedangkan jumlah kecil daripada dana itu dapat memberi impak besar dalam melawan kemiskinan.

Sebagai contoh, ketika pandemik COVID-19 pada 2021, peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) sebanyak AS\$650 bilion (RM2.91 trilion) sepatutnya membantu semua negara.

Namun, hampir dua pertiga peruntukan itu hanya dinikmati negara maju, meninggalkan baki kecil untuk negara miskin yang lebih memerlukan.

Anwar turut menyeru reformasi sistem kewangan antarabangsa yang diwarisi daripada institusi Bretton Woods.

"Walaupun kapitalisme adalah sihat, kapitalisme tanpa kawalan menjadi punca utama kepada ketidaksaamaan kekayaan yang melampau," katanya sambil menyarankan agar pengalaman China dalam membasmi kemiskinan dijadikan rujukan, dengan mengambil kira keperluan sosioekonomi setiap negara," katanya.



Anwar berucap pada sidang pleno sempena Sidang Kemuncak G20 di Rio de Janeiro, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia adalah antara 17 negara tetamu G20, bersama Chile, Qatar, Mesir, Singapura, Sepanyol, Emiriah Arab Bersatu dan Vietnam.

Komitmen capai Agenda 2030

Malaysia, katanya, menyertai Perikatan Global ini sebagai bukti komitmen negara untuk mencapai Agenda 2030 dalam memerangi kelaparan dan kemiskinan.

Dalam pada itu, Anwar turut menyentuh mengenai struktur Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) yang dianggapnya tidak adil dan inklusif.

Berucap pada sesi kedua intervensi bertajuk 'Reformasi Ins-

titusi Tadbir Urus Global', Perdana Menteri menggesa agar kuasa veto yang dimiliki oleh lima negara anggota tetap UNSC dikaji semula.

Beliau menegaskan perlunya perwakilan dari benua Afrika dan Amerika Latin dalam UNSC bagi mencerminkan suara dan kepentingan negara-negara di kedua-dua benua itu.

"Ketetapan semasa adalah sangat tidak adil. Sepatutnya perlu ada wakil dari Amerika Latin dan Afrika (dalam UNSC)," tegas beliau.

"Kita bercakap mengenai reformasi institusi PBB. Kita bercakap mengenai ideal, kemanusiaan, nilai kemanusiaan, namun tiada perwakilan dari Afrika,

tiada perwakilan untuk Amerika Latin (dalam UNSC), siapa yang peduli?" soalnya.

Anggota tetap UNSC terdiri daripada China, Perancis, Russia, United Kingdom dan Amerika Syarikat juga dikenali Permanent Five, Big Five atau P5.

Selain menyuarakan pandangannya mengenai reformasi UNSC, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin dunia di luar Sidang Kemuncak G20.

Antaranya ialah Presiden Perancis, Emmanuel Macron; Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa; Perdana Menteri United Kingdom, Keir Starmer dan Perdana Menteri Vietnam, Phm Minh Chinh.